

Ismail Sabri puas hati hasil lawatan ke Thailand

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 26, 2022 @ 2:08pm
mohd_iskandar@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berpuas hati dengan hasil lawatan kerja pertamanya ke Thailand yang menyentuh pelbagai bidang seperti perdagangan, pelaburan, pertanian, pendidikan dan buruh.

Menerusi lawatan itu, Perdana Menteri percaya perkara yang dibincangkan bersama rakan sejawatnya, Prayuth Chan o-cha akan membawa manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

"Perbincangan saya dan Perdana Menteri Thailand turut menyentuh kerjasama kedua-dua negara dalam pelbagai bidang selain ingin terus meneroka bidang kerjasama baharu.

"Saya percaya perkara dibincangkan akan membawa manfaat kepada rakyat kedua-dua negara dan seterusnya menyumbang ke arah pemantapan hubungan dua hala serta kerjasama di antara Malaysia dan Thailand," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Bangkok yang disiarkan secara langsung di RTM dan Facebook hari ini.

Ismail Sabri berkata, Malaysia dan Thailand mempunyai hubungan dua hala yang rapat dengan ikatan diplomatik terjalin lebih 65 tahun.

"Sebagai dua negara jiran yang dekat, kerajaan Malaysia dan Thailand sentiasa memastikan hubungan kerjasama yang erat dan utuh ini dapat dikekalkan bagi kepentingan bersama kedua-dua negara.

"Justeru, lawatan rasmi saya ke Thailand ini membuktikan komitmen kedua-dua negara dalam mengukuhkan hubungan dua hala serta meningkatkan kerjasama di dalam pelbagai bidang terutama dalam fasa pemulihan pasca COVID-19," katanya.

Perdana Menteri tiba di Thailand kelmarin untuk lawatan rasmi tiga hari bagi mempertingkatkan lagi kerjasama dua hala dan pergerakan rakyat di kedua-dua negara.

Lawatan julung kali Ismail Sabri ke Bangkok sebagai Perdana Menteri itu adalah atas jemputan Prayuth.

Ia adalah sebahagian lawatan pengenalan ke negara Asia Tenggara sejak beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pada Ogos 2021.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yakin hasil perbincangan akan memanfaatkan kedua-dua negara. - Foto BERNAMA